

05 MAY 1999

BARISAN NASIONAL SARAWAK TELAH BERSEDIA HADAPI PILIHAN RAYA

KUCHING, 5 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak telah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan sebelum bulan April tahun depan.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yakin BN negeri akan terus mengekalkan tampuk pemerintahan kerajaan negeri berikutan perpaduan dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat negeri ini.

"Kerjasama antara parti komponen sangat baik, cabaran parti pembangkang tidak membimbangkan, dengan izin Tuhan kita boleh mengharap keputusan pilihan raya yang baik," beliau dipetik dalam temu bual eksklusif dengan Fong Peng Khuan, editor majalah "New Reality" di sini hari ini.

Taib yang juga pengerusi BN negeri berharap untuk memenangi seberapa banyak kerusi untuk memastikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai sokongan yang baik di Sarawak.

"Kerajaan pimpinan beliau mempunyai kredibiliti yang baik dan sokongan kita terhadap beliau tidak berubah," katanya.

-- BERNAMA

RDY RI